

Headline **Dutch Lady meraikan Hari Susu Sedunia**
Date **11 Jun 2010**
MediaTitle **Mami Baby**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Monthly**
Circ / Read **40,000 /**

Language **Malay**
Page No **128**
Article Size **290 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,557**
PRValue **7,672**



BuletinMami

Dutch Lady meraikan Hari Susu Sedunia

Dutch Lady Malaysia telah meraikan Hari Susu Sedunia termasuk percubaan melakar nama dalam Malaysia Book of Records beserta pengagihan 250,000 kotak susu ke seluruh negara secara percuma. Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Bas van den Berg berkata, "Kajian menunjukkan bahawa warga Malaysia hanya mengamalkan pengambilan susu sekali dalam seminggu, yang bersamaan dengan 30 liter susu dalam satu tahun. Jika dibandingkan dengan orang barat, jumlah ini adalah 70 peratus lebih rendah dan ini sekaligus menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih lagi tidak memahami kepentingan susu dalam diet seharian. Oleh itu Dutch Lady Malaysia telah memutuskan untuk menerajui kempen "Sebarkan Kebaikan Susu" dalam usaha mewujudkan kesedaran dalam mendidik warga Malaysia tentang nilai dan manfaat khasiat susu. Selaras dengan usaha kerajaan dalam mewujudkan rakyat yang sihat lagi aktif, kesemua usaha yang dilakukan adalah sebahagian daripada komitmen kami dalam membekalkan nutrisi penting untuk kesihatan warga Malaysia

secara menyeluruh. Kami memutuskan untuk mengetuai rakyat Malaysia dalam memeriahkan sambutan Hari Susu Sedunia bersama negara-negara yang lain dalam menjayakan inisiatif yang diilhamkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian bagi merayai khasiat nutrisi susu di peringkat global."

Sempena sambutan Hari Susu Sedunia pada tahun ini, Dutch Lady Malaysia telah mengambil inisiatif dalam mereka cipta kotak susu UHT khas yang boleh didapati dalam dua perisa iaitu Susu Rendah Lemak dan Susu Coklat yang direka oleh Amelia Ong dan Ten. Dutch Lady juga sedang bergiat dalam mempromosikan kebaikan susu kepada warga Malaysia melalui pengiklanan media cetak dan elektronik. Iklan ini memaparkan kebaikan susu yang penting dalam menjaga tenaga, tujuan kecantikan, memberi susuk tubuh yang menarik dan menyumbang kepada kualiti tidur yang lebih baik. Bermula 8 Mei sehingga 2 Julai, Dutch Lady Malaysia juga akan menganjurkan sebuah pertandingan seluruh negara di mana peserta hanya perlu



mengira jumlah bilangan kotak susu dan menjawab dua soalan mudah dan berpeluang memenangi hadiah bernilai RM1 juta termasuk hadiah utama berupa rumah teres dua tingkat dengan pakej dekor rumah!